



**KERATAN AKHBAR**

SURAT KHABAR	:	KOSMO	MUKA SURAT	:	15
TARIKH	:	27/4/2019			
JABATAN	:	SPAN / SYABAS			
KLASIFIKASI	:	<b>PERHATIAN</b>			

Syabas hantar lori tangki air ke kawasan yang masih terjejas

# Bekalan air pulih 93 peratus

**KUALA LUMPUR** – Gangguan bekalan air berjadual susulan aktiviti penambahbaikan sistem bekalan air di Loji Rawatan Air Sungai Selangor Fasa 2 (LRASSP2) hampir pulih sepenuhnya dengan peraturan pemuliharaan keseluruhan berada di tahap 93 peratus.

Ketua Jabatan Perhubungan Pelanggan dan Komunikasi Pengurusan Air Selangor Sdn. Bhd. (Syabas), Abdul Raof Ahmad berkata, tiga kawasan iaitu Gombak, Kuala Selangor dan Kuala Langat telah mencapai status pemuliharaan 100 peratus manakala Kuala Lumpur (89 peratus), Petaling (98 peratus) serta Klang dan Shah Alam pada tahap 91 peratus.

“Semua kawasan yang tersenarai dan dijadualkan pulih pada pukul 11 pagi ini (semalam) telah pulih sepenuhnya seawal pukul 6 pagi tadi (semalam).”

“Bantuan lori-lori tangki air digerakkan ke kawasan yang masih belum pulih dan segala tindakan yang sewajarnya diambil bagi menstabilkan tekanan dan pemuliharaan terutama di kawasan dan premis yang berada di lokasi tinggi serta di penghujung



KERATAN Kosmo/20 April 2019.

sistem agihan,” katanya.

Abdul Raof berkata, pihaknya turut merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat khususnya pelanggan yang telah memberikan kerjasama dalam usaha meningkatkan perkhidmatan bekalan air dan memohon maaf atas segala kesulitan yang dialami sepanjang tempoh gangguan itu. Gangguan bekalan air hingga 86 jam



SYABAS menghantar lori tangki air ke kawasan yang masih mengalami gangguan bekalan air. – Gambar hasan

Rabu lalu melibatkan 620,835 akaun atau 4,143,465 pengguna di 577 kawasan seperti di Shah Alam, Klang, Kuala Lumpur, Petaling, Gombak, Kuala Langat serta Kuala Selangor. – Bernama